



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 FEBRUARI 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - GEMPUR, 3K, didik PBT tolak rasuah | 20 |
|--------------------------------------|----|

Harian Metro

- | | |
|------------------------|----|
| - BEBAS ASAP KENDERAAN | 46 |
|------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 FEBRUARI 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	GEMPUR, 3K, didik PBT tolak rasuah
Muka Surat	20

GEMPUR, 3K, didik PBT tolak rasuah

SH 14/2/18
M/S 20

KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus komited memastikan negara ini bebas rasuah, terbaharu menerusi pendekatan dibuat bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan memperkenalkan slogan 3K iaitu ‘Kami Tolak. Kami Lapor, dan Kami Tangkap’.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata, slogan itu dilaksanakan bawah Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPUR) yang dilancarkan serentak seluruh negara bersempena Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) siri 2/2018.

Menurutnya, ia memberi fokus kepada PBT yang disifatkan amat dekat dengan penduduk setempat dan sering dipersepsi terlibat dengan jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

“GEMPUR merupakan pelengkap kepada kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle). Tujuan utama GEMPUR adalah bagi mendidik penjawat awam supaya menolak sebarang bentuk tawaran atau pemberian rasuah.

“Dengan perlaksanaan ini, ia mampu meningkatkan imej PBT. Kejayaan kempen ini bergantung



Barisan pegawai dan kakitangan DBKL bersama SPRM sempena Program GERAH dan Pelancaran Kempen GEMPUR bersama PBT DBKL

penuh dengan kerjasama daripada semua penjawat awam,” katanya sempena Program GERAH dan Pelancaran Kempen GEMPUR bersama PBT Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini, semalam.

Kempen berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 25 Akta SPM 2009 yang mewajibkan mana-mana orang melaporkan tawaran atau pemberian rasuah kepada SPM.

Kegagalan melapor adalah kesalahan jenayah yang boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin

Nordin Abd Aziz, berkata, pihaknya telah mengeluarkan pekeliling kepada pegawai dan kakitangan DBKL atas kesediaan DBKL menyediakan insentif kepada sesiapa yang tampil memberi laporan berhubung kegiatan pemberian rasuah.

“Mana-mana kakitangan yang menolak rasuah dan melaporkan pemberian rasuah dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dan bonus,” katanya.

Untuk rekod, sehingga 31 Disember tahun lalu, seramai 214 penjawat awam yang menolak dan melaporkan kegiatan pemberian rasuah telah menerima pengiktirafan SPM membabitkan insentif sebanyak RM384,575.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 FEBRUARI 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	BEBAS ASAP KENDEREAAN
Muka Surat	46

N46 | WAJAH-WAJAH HAN 14/2/18 Ns N46 . HARIAN METRO RABU 14 FEBRUARI 2018

BEBAS ASAP KENDEREAAN

1. IBU bapa tidak melepaskan peluang membawa anak menaiki basikal empat roda sempena Majlis Sukanaka Hari Tanpa Kenderaan anjuran Majlis Perbandaran Ampang Jaya di Pandan Indah, baru-baru ini.

2. PERMAINAN Ball Footlose mendapat sambutan hangat pengunjung.

3. AKSI sengit pertandingan bola sepak kanak-kanak bawah lapan tahun menghiburkan penonton.

4. ORANG ramai menarik jentera bomba dalam pertandingan Tarik Jangan Tak Tarik.

FOTO: NIK HARIFF HASSAN